

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Pada tahun 2004 telah diperkenalkan format soalan yang baru iaitu calon diminta menulis 2 buah karangan daripada Bahagian A dan Bahagian B. Soalan Bahagian A hanyalah satu soalan sahaja yang terdiri daripada bahan rangsangan (gambar) yang bertemakan 'Pembangunan dan Alam Sekitar'. Calon diberikan 4 keping gambar hitam putih iaitu 2 keping gambar merujuk kepada pembangunan manakala 2 keping gambar lagi merujuk kepada pencemaran alam sekitar akibat daripada pembangunan. Soalan ini wajib dijawab oleh calon. Panjang karangan hendaklah antara 200 – 250 patah perkataan dan boleh ditulis sama ada dalam tulisan rumi atau tulisan jawi. Masa menjawab dicadangkan selama 45 minit manakala markahnya ialah 30.

Bagi Bahagian B pula 5 soalan dikemukakan. Calon diminta memilih satu soalan daripadanya. Panjang karangan tidak kurang daripada 350 patah perkataan dan tempoh mengarang dicadangkan selama 1 jam 30 minit. Karangan boleh ditulis dalam tulisan rumi ataupun tulisan jawi. Bentuk karangan pada tahun ini terdiri daripada 2 karangan berformat iaitu bentuk rencana dan bentuk syarahan. Manakala 3 soalan yang lain adalah karangan bebas format iaitu karangan bentuk perbincangan, penghuraian dan pendapat ialah

**PRESTASI KESELURUHAN****BAHAGIAN A****Calon Dalam Kumpulan Cemerlang**

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini sangat baik. Keseluruhan calon ini berupaya memahami kehendak soalan dengan baik dan mampu mengemukakan idea-idea yang matang berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Calon dapat menjelaskan dengan baik kepentingan pembangunan bagi melahirkan sebuah negara maju dan kesan yang terpaksa diterima oleh alam sekitar sebagai akibat daripada proses pembangunan tersebut. Calon juga berupaya mengemukakan cadangan bagi menyeimbangkan pembangunan dan kesannya kepada alam sekitar. Bahasa yang digunakan gramatis mengikut tatabahasa bahasa Melayu, bervariasi dari segi pemilihan kata dan terdapat penggunaan ungkapan yang menarik sama ada berbentuk peribahasa, simpulan bahasa, kata-kata hikmat, kata-kata pujangga, moto, cogan kata dan sebagainya. Calon-calun juga menyerlahkan kematangannya dengan menghuraikan idea-idea yang jelas dan sangat relevan dengan tema bahan rangsangan.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Majoriti calon berada dalam kumpulan ini. Kebanyakan mereka masih memahami tema bahan rangsangan dengan baik dan dapat mengemukakan idea-idea yang relevan iaitu membincangkan isu pembangunan dan alam sekitar. Calon memaparkan dengan jelas kesan pembangunan terhadap alam sekitar, khususnya masalah pencemaran dan menyarankan cara mengatasinya. Namun, kebanyakan calon gagal menghuraikan isi yang dipaparkan dengan jelas dan matang. Banyak isi dikemukakan, tetapi hanya dihurai sepintas lalu. Bahasa calon juga ada yang sangat baik, tetapi tidak mengemukakan ungkapan yang menarik menyebabkan tidak layak dimasukkan ke dalam kumpulan cemerlang.

## Calon Dalam Kumpulan Lemah

Keseluruhan prestasi calon dalam kumpulan ini tidak memuaskan. Persembahan jawapan kurang mantap dengan idea-idea yang kurang jitu dan penguasaan bahasa yang sangat lemah. Pemilihan kosa kata pula kurang tepat. Struktur ayat lemah dan dipengaruhi pula dengan bahasa pasar, bahasa lisan dan dialek daerah. Terdapat juga calon yang tidak memahami tema yang diberikan. Tanda baca tidak dikuasai penggunaannya malah ada yang tidak menggunakan tanda baca langsung melainkan noktah. Ejaan juga tidak dikuasai dan ditulis sewenang-wenangnya mengikut sebutan dialek penuturnya. Kesimpulannya keadaan ini menunjukkan calon tidak menguasai kemahiran menulis dengan baik.

## BAHAGIAN B:

Prestasi calon keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dan memuaskan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa calon-calon yang menguasai kemahiran berbahasa yang disokong oleh isi yang mantap serta pengolahan yang menarik dan berkesan, sangat kurang dan bilangannya tidak memuaskan. Calon-calon yang mencapai markah pada tahap cemerlang masih kurang. Banyak calon berada pada tahap markah sederhana dan baik (69%-35%). Majoriti calon mendapat markah yang sederhana disebabkan penguasaan kosa kata yang kurang meluas. Isi yang dikemukakan kurang matang dan tidak disertakan dengan contoh-contoh yang relevan, pengolahannya pula kurang menarik dan berkesan. Pemerenggan masih memuaskan.

Walaupun bilangannya kurang, calon yang mencapai peringkat markah cemerlang berjaya mengemukakan isi-isi jawapan yang bernas dan matang dengan bahasa yang gramatis dan pengolahan yang menarik sehingga melayakkan mereka mendapat markah 80% atau lebih.

Selain itu, calon yang lemah dan di bawah tahap minimum juga masih kedapatan. Kumpulan calon ini lemah penguasaan bahasanya sehingga sukar mencari ayat-ayat yang betul. Terdapat calon yang menulis mengikut struktur bahasa lisan, pertuturan daerah, bahasa ibunda, malah ada juga calon yang hanya menyalin semua soalan berulang-ulang sehingga kelihatan seolah-olah sebuah karangan yang sempurna. Banyak juga calon yang tidak berupaya menulis sehingga 350 patah perkataan menggunakan teknik mengulang atau menyalin semula perenggan sebelumnya bagi mengelakkan pemotongan markah kerana tidak cukup bilangan perkataan yang ditulis. Terdapat banyak juga calon yang tidak menjawab dan meninggalkan langsung bahagian ini dan hanya menjawab soalan Bahagian A.

Kelemahan calon wujud kerana gagal menunjukkan kemahiran berbahasa yang baik dan tidak matang dalam menyampaikan idea. Mereka tidak dapat menyertakan contoh-contoh yang tepat dan huraian-pula tidak berkesan. Terdapat juga cubaan menggunakan frasa kata atau cogan kata tertentu dan peribahasa dalam menghuraikan isi tetapi penggunaannya tidak sesuai bahkan tidak dapat menggambarkan atau menyampaikan maksud yang hendak dinyatakan dengan jelas.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Calon Dalam Kumpulan Cemerlang**

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini sangat baik. Calon memahami arahan dan kehendak soalan dengan tepat. Calon dapat membuat analisis terhadap keperluan tugas soalan. Takrif terhadap tajuk tepat dan berada pada tahap sama ada baik atau cemerlang. Isi yang dikemukakan melebihi tiga isi utama dan dihuraikan mengikut prinsip pengembangan isi. Contoh yang dikemukakan amat sesuai. Kupasan isi dibuat dengan baik dan dikaitkan dengan isu-isu semasa. Misalnya, peranan remaja untuk menjaga kedaulatan negara boleh disemai melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang baru dua tahun dilaksanakan oleh kerajaan. Dari sudut bahasa pula, calon menguasai kemahiran berbahasa dengan baik sekali, lancar, gramatis dan menggunakan diksi yang sesuai mengikut laras karangan yang dipilih. Kosa katanya luas dan tepat penggunaannya dan terdapat keragaman dalam struktur ayat. Meskipun terdapat kesalahan tatabahasa tetapi masih ringan dan tidak mencacatkan pengolahan. Organisasi karangan pula kemas, disusun dalam perenggan yang teratur urutannya. Isi dan pengolahannya sangat menarik dan seimbang.

### **Calon Dalam Kumpulan Baik**

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini masih memuaskan. Calon memberikan takrif yang menepati dengan kehendak soalan. Isi yang dikemukakan juga mencukupi dan huraian masih baik serta masih berkembang walaupun sederhana. Contoh-contoh yang diberikan tepat atau masih tepat, jelas dan relevan dengan tajuk yang dibicarakan. Ada juga karangan yang tidak disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai. Sebahagian daripada calon fikirannya matang dan ada juga yang boleh diperingkatkan masih matang sahaja. Penguasaan bahasa masih memuaskan dan lancar. Walaupun terdapat kesalahan-kesalahan ringan tetapi masih terdapat kepelbagaian jenis ayat. Kosa kata masih luas dan tepat penggunaannya dan tanda baca masih betul dan betul. Perenggan karangan distrukturkan dengan baik dan masih ada kesinambungan idea dalam setiap perenggan. Penyampaian isi dan pengolahan masih baik dan berkesan.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini pada peringkat sederhana sahaja. Pemahaman calon terhadap kehendak soalan keseluruhannya masih baik atau memuaskan. Takrif dan isi masih betul. Walau bagaimanapun, ada juga calon yang takrifnya kurang memuaskan dan memberikan isi yang kurang mantap. Malah ada juga yang isinya bercampur aduk, tidak cocok dan kurang. Calon juga tidak berupaya memperkembang isi dengan baik. Huraian isi kurang mantap dan ada kalanya kurang jelas maksudnya. Contoh-contoh tidak disertakan atau contoh yang disertakan kurang tepat. Fikiran calon juga kurang matang untuk mengaitkan sesuatu isu dengan isu yang lain. Contoh yang paling jelas ialah calon yang menjawab soalan 4, gagal mengaitkan keluarga bahagia dengan pembentukan masyarakat harmoni. Begitu juga dengan calon yang menjawab soalan 3, kurang mahir mengaitkan keperluan penting untuk mendapatkan pekerjaan dengan realiti situasi semasa. Kegagalan ini menyebabkan karangan calon seolah-olah menjadi dua bahagian yang berasingan. Bahasa pula boleh dikategorikan pada tahap kurang memuaskan atau tidak memuaskan. Ayat kurang kepelbagaian tetapi masih boleh difahami. Ada juga calon yang cenderung menggunakan istilah atau kata-kata yang 'bombastik' tetapi tidak tepat maksudnya dan tidak sesuai pula penggunaannya. Terdapat juga kecenderungan menggunakan ayat yang panjang dan berbelit-belit untuk menghuraikan sesuatu isi. Struktur perenggan masih baik tetapi pengolahannya ada yang masih menarik dan ada yang kurang menarik.

## Calon Dalam Kumpulan Lemah

Calon gagal memahami kehendak soalan. Takrif yang dikemukakan kurang tepat, kurang jelas, dan ada yang tidak difahami. Isi tidak jelas, kabur dan tidak berkaitan. Huraian isi kurang berkembang, tidak berkembang atau lemah. Contoh kurang tepat, tidak tepat atau tiada contoh langsung. Terdapat juga calon yang hanya memahami beberapa frasa daripada tajuk soalan. Kemudian, cuba mengarang berdasarkan fakta tersebut. Contohnya, calon yang menjawab soalan 5, hanya memahami frasa “sasterawan” tetapi mengolah karangan tentang cara-cara hendak menjadi sasterawan atau bagaimana cara meningkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran sastera.

Bahasa pula tidak memuaskan dan tidak lancar malah kadangkala amat lemah, sehingga sukar mengesan isi yang hendak disampaikan. Tatabahasa yang digunakan bercempera dan ayat pula tidak gramatis. Kesalahan dominan yang jelas kelihatan ialah pembinaan ayat yang sering mengabaikan predikat menyebabkan ayat tergantung. Kata penunjuk juga sering digunakan pada pangkal ayat. Hal ini jelas menunjukkan calon terpengaruh dengan bahasa yang digunakan oleh kebanyakan media cetak. Terdapat juga calon yang menulis dalam laras pertuturan harian, daerah atau bahasa ibunda masing-masing. Calon dalam kategori ini banyak melakukan kesalahan ejaan dan kebanyakan perkataan dieja mengikut sebutannya. Hal ini juga menjadikan aspek pengimbuhan tidak diambil peduli. Calon dalam kumpulan ini juga tidak menghiraukan sama ada karangan berformat atau tidak berformat lantaran tiada pengetahuan tentang perkara tersebut. Calon dalam kumpulan ini juga gagal mengemukakan isi yang mencukupi dan cuba memasukkan pelbagai isi lain yang tidak berkaitan dengan tajuk. Hal ini menghasilkan sebuah karangan, ‘yang sekerat belut dan yang sekerat ular.’

Terdapat ramai calon dalam kumpulan ini mengarang pada bawah had minimum yang dikehendaki iaitu kurang daripada 350 patah perkataan bahkan ada juga calon yang terpesong isi walaupun penguasaan bahasanya agak baik. Terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan berulang-ulang dan mengubahsuai soalan untuk membuat perenggan. Pengolahan tidak memuaskan. Pemerenggan lemah dan tidak seimbang malah terdapat calon yang menulis hanya dalam satu perenggan sahaja bagi keseluruhan karangan. Selain itu terdapat juga calon yang tidak menulis apa-apa langsung dalam bahagian ini.

## PRESTASI TERPERINCI

### BAHAGIAN A:

#### SOALAN :

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang isu pembangunan dan alam sekitar. Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### TEMA :

Calon berupaya menghasilkan karangan yang menepati tema bahan rangsangan yang diberikan. Calon berjaya menghubungkan isu pembangunan dan alam sekitar dengan berkesan dan menarik. Tiada calon yang terpesong daripada tema yang dikehendaki.

Kebanyakan calon lemah pula menghasilkan karangan yang tidak menepati tema bahan rangsangan. Pembangunan difahami sebagai projek pembinaan bangunan semata-mata, contohnya:

Malaysia kita pada hari ini <sup>menjadi</sup> semakin maju dan pesat. Negara ini telah membangunkan banyak pembangunan yang besar. Walaupun ada pembangunan kecil. Segala pembangunan adalah dibangunkan secara besar-besaran. Contohnya Minara Kuala Lumpur, (Minara Kembar Petronas), rumah terus, kedai dan lain-lain bangunan. Selain itu, Malaysia juga terdapat alam sekitar yang menarik. Contohnya flora dan fauna, pantai dan lain-lain.

#### BAHASA

Bahasa yang digunakan oleh calon amat gramatis dan menarik dibaca. Ayat betul tatabahasanya dan penguasaan kosa kata meluas, menyebabkan huraian begitu berkesan dan mudah difahami.

Kumpulan calon lemah pula gagal menguasai bahasa dengan baik. Banyak kesalahan tatabahasa seperti struktur ayat tidak betul, pemilihan kosa kata tidak tepat, pengimbuhan tidak dikuasai dan sebagainya. Contoh ayat atau frasa tidak gramatis seperti berikut:

Sebagai rakyat Malaysia yang mencintai negara, adakah anda tahu ~~perbuatan~~ bahawa pembangunan yang rapat akan menyebabkan tanah air yang dihiraukan oleh kita akan tercemar? Tidak. Saya percaya bahawa semua orang tidak akan memikirkan berlalunya akibat ini akan semasa tinggal di sebuah rumah yang baru, cantik dan mewah.

## WACANA

Karangan peringkat cemerlang dan baik mempunyai wacana yang amat berkesan. Wacana dapat dikemukakan melalui pengaplikasian koheren dan kohesif yang tepat. Ertinya calon mampu mewujudkan perkaitan idea antara satu perenggan dengan perenggan berikutnya. Calon juga mampu mencanai idea secara baik dalam perenggan yang sama. Pembangunan dengan alam sekitar dapat ditunjukkan pertaliannya dengan jelas. Pembangunan memang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan nyata dan tidak nyata kepada alam sekitar. Terdapat juga unsur bahasa yang bervariasi terutama dalam pembinaan ayat. Contohnya

Selain itu, penebangan pokok terutamanya di hutan-hutan di negara ini turut membawa pengaruh yang besar kepada alam sekitar. Selain memusnahkan habitat hidupan liar, perbuatan ini yang kononnya untuk pembangunan turut meningkatkan suhu dunia dan membolehkan bencana alam seperti tanah runtuh di negara ini. Penghasilan oksigen juga akan berkurangan seterusnya merendahkan mutu udara di negara ini.

Calon berupaya menggunakan ayat penyata yang sempurna, ayat songsang, ayat tanya serta ayat pasif. Banyak ungkapan yang menarik digunakan terutamanya peribahasa untuk memperkukuh gambaran keadaan, misalnya:

Sekiranya manusia semakin ghalib ~~menjadikan~~ <sup>melakukan</sup> pembangunan tetapi lupa <sup>dengan</sup> ~~dengan~~ kesan terhadap alam sekitar maka pelbagai masalah akan timbul yang mana boleh mengganggu keseleraan hidup manusia. Kita semua perlu beringat kerana ~~sesat~~ <sup>sesat</sup> dahulu pendapatan, ~~sesat~~ <sup>sesat</sup> kemudiannya tidak berguna.

Calon yang lemah gagal menguasai koheren dan kohesif ketika mengarang. Pertautan antara perenggan tidak begitu jelas dan kadang-kadang tidak berkait langsung. Huraian juga menjadi terpisah terus antara pembangunan dan alam sekitar. Penggunaan penanda wacana tidak tepat, contohnya:

Inikarana manusia mencari tempat tinggal, bilangan manusia yang banyak. Oleh itu manusia mengerahkan ~~pekerja~~ <sup>pekerja</sup> kawasan alam sekitar ~~menjadi~~ <sup>menjadi</sup> membina rumah untuk menjadi tempat tinggal manusia.

## IDEA

Calon yang cemerlang mengemukakan idea-idea yang amat relevan dengan tema bahan rangsangan. Penghuraian idea juga sangat jelas dan matang. Calon menggunakan fakta-fakta saintifik untuk menghuraikan fenomena pencemaran alam sekitar, contohnya:

Sikap sesetengah pihak yang terlalu fanatik dalam mengejar keuntungan dengan melaksanakan projek pembangunan menyebabkan mereka lalai seketika nafijahnya projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa perancangan yang sistematik. Kelalaian yang kadang-kadang disengajakan ini membawa impak negatif dalam jangka masa yang panjang seperti merebaknya penyakit-penyakit berjangkit yang boleh membawa maut.

Gas-gas karbon monoksida yang dilepaskan oleh ekzos-ekzos benderahan menyebabkan pencemaran udara. Penebatan hutan yang berlaku akan menyebabkan sistem ekologi terganggu. Hal ini akan menyebabkan pemanasan global berlaku. Selain itu, kemusnahan alam sekitar akan menipiskan lapisan ozon yang melindungi penduduk daripada sinaran  $\alpha$  ultraviolet yang boleh menyebabkan kanser.

Calon dapat mengaitkan pembangunan kepada kemusnahan alam sekitar akibat sikap tidak bertanggungjawab sebahagian manusia yang tamak dan rakus. Kesan pencemaran merangkumi pencemaran udara, pencemaran air dan pelbagai kesan negatif ke atas alam sekitar dan manusia sendiri.

Pembangunan di tebing sungai boleh menyebabkan pencemaran air berlaku. Bagi rumah-rumah yang terletak di tebing sungai, sungai merupakan 'majlis perbandaran' yang bertugas untuk mengangkut sampah-sampah yang di buang. Punca-punca pencemaran air yang seterusnya ialah sisa-sisa toksik yang disalurkan oleh kilang-kilang melalui paip-paip bawah tanah ke sungai. Penyaliran sisa-sisa buangan kilang ini akan membunuh hidupan akuatik.

Calon juga mengemukakan cadangan bagi mengurangkan masalah ini melalui perubahan sikap manusia yang terbabit, penguatkuasaan undang-undang dan penambahan kadar denda dan hukuman. Dalam hal ini calon juga mencadangkan agar wujudnya situasi 'menang - menang' iaitu penerusan pembangunan pembangunan yang pesat tanpa mengabaikan kualiti alam sekitar.

Projek pembangunan di negara kita yang kurang bersistematis ini akan menjadi lebih teruk apabila masyarakat turut sama tidak memainkan peranan dalam memulihara alam sekitar. Misalannya, jika masyarakat yang gemar membuang sampah merata-rata dan tidak menjaga kebersihan persekitarannya akan menjadikan keadaan lebih buruk serta mengundang pelbagai masalah. Senario yang berlaku kini perlulah dibendung dengan kudat yang segera untuk mengembalikan semula kesegaran dan keindahan alam sekitar di negara kita.

Peranan kerajaan memperlihatkan langkah-langkah yang diambil akan lebih memberi kesan kerana kuasa veto yang dimilikinya. Penguatkuasaan undang-undang dapat membantu dalam mengawal atur projek-projek pembangunan yang ingin dijalankan secara lebih terancang.

Kebanyakan calon yang lemah meluahkan idea secara sembrono tanpa merancang terlebih dahulu. Hasilnya, calon hanya mampu mengeluarkan idea yang separa relevan dan tidak matang, contohnya:

Dalam pada masa kini, kerajaan kita telah membina beberapa pembangunan dalam masa kini. Ini menunjukkan menjaga imej di antara luar negara. Antara punca-punca pembangunan ialah Kesatuan rakyat Malaysia. Ia mereka telah mematuhi dan memahami peraturan yang tertentu. Kerajaan kita telah memberi beberapa kemudahan untuk kita. Contohnya, membangun kawasan bandar, dan kawasan perumahan. Antara kawasan bandar kita telah menggunakan beberapa kemudahan. Kemudahan ini telah boleh mempercepatkan pergerakan kita. Antara kawasan perumahan kita cukup untuk hidup.

Sebagai rakyat negara, kita mesti menjaga alam sekitar kita. Bukan hanya negara kita, semua manusia yang ~~tinggal~~ hidup di dalam bumi juga menjaga alam sekitar. Kalau kita jaga alam sekitar kita dengan baik, ~~itu~~ Bumi kita mesti kurang banjir, tanah runtuh dan lain-lain. Ingat kita mesti mengelakkan apabila nasi menjadi bubur.

Terdapat juga calon lemah yang tidak berupaya menulis mengikut bilangan perkataan yang sepatutnya, sebaliknya hanya menulis sebuah karangan pendek. Contohnya seperti di bawah :

BAGIAN A

Pada pendapat saya tentang isu pembangunan sangat bagus ~~kerana~~ <sup>tetapi</sup> ISU alam sekitar pula kurang bagus bagi saya kerana rakyat Malaysia ~~malaysia~~ <sup>seperti</sup> kurang mengambil perhatian tentang kebersihan. ~~seperti~~ membuang sampah merata-rata terutama sekali di sungai, di longkang dan lain-lain. mereka patut tahu bahawa kita sudah ~~masuk~~ <sup>menjangkau</sup> ke alam baru dan tidak perlu membuang sampah di merata-rata. Negara telah menyediakan kitar semula tetapi rakyat tetap juga bersikap seperti budak-budak yang berumur 2 dua tahun.

← karangan pendek.

## **BAHAGIAN B**

### **SOALAN :**

1. *Golongan remaja merupakan aset penting kepada Negara pada masa hadapan. Mereka bakal menerajui pemerintahan Negara, menjadi tenaga yang akan memajukan Negara dan menjaga kedaulatan Negara daripada pelbagai ancaman.*

*Sebagai remaja yang berwawasan, bincangkan peranan anda untuk mencapai ketiga-tiga hasrat tersebut.*

2. *Anda mempunyai tokoh sanjungan kerana pencapaian cemerlang tokoh tersebut dalam bidang yang diceburinya. Tokoh sanjungan ini menjadi pendorong untuk anda mencapai kejayaan dalam kehidupan.*

*Nyatakan tokoh sanjungan anda itu dan jelaskan sebab-sebab kejayaan beliau menjadi inspirasi kepada anda untuk mencapai kecemerlangan.*

3. *Dunia hari ini penuh dengan persaingan. Untuk mendapatkan pekerjaan, kelulusan akademik semata-mata tidak cukup. Banyak faktor lain yang perlu dikuasai untuk membolehkan seseorang itu berjaya dalam kerjaya yang akan diceburi sesuai dengan perkembangan dunia tanpa sempadan.*

*Tulis sebuah rencana tentang persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar untuk menghadapi persaingan kerja pada masa akan datang.*

4. *Anda akan mewakili sekolah anda dalam suatu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah "Keluarga Bahagia Penjana Masyarakat Harmoni".*

*Tulis syarahan itu selengkapnya.*

5. *Masyarakat Malaysia masih kurang memberikan pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera berbanding dengan masyarakat negara maju.*

*Berikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memartabatkan golongan ini.*

### **TAKRIF:**

Calon yang matang memahami kehendak soalan dan dapat mentakrifkannya dengan tepat dan jelas. Misalnya untuk menjawab Soalan 2, calon dapat mengemukakan tokoh sanjungan masing-masing dan sebab-sebab kejayaan tokoh tersebut menjadi inspirasi kepadanya untuk mencapai kejayaan. Antara tokoh yang menjadi pilihan calon ialah mantan Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Terdapat juga calon yang menamakan ayah, ibu, abang dan tokoh-tokoh tempatan yang mereka kenali sebagai tokoh sanjungan mereka.

Contoh karangan :

Tun Dr. Mahathir bin Muhammad merupakan nama yang tidak asing lagi di negara ini. Malahan di seluruh dunia turut mengenali beliau. Kejayaan demi kejayaan telah beliau kecapai semasa hampir 5 tahun beliau menjadi perdana menteri. Sejak kecil lagi, beliau mempunyai budi pekerti yang luhur serta bijak dalam melaksanakan <sup>dan</sup> sesuatu ~~tersebut~~ segala keputusan, <sup>yang</sup> dibuat telah mencapai kata sepakat daripada seluruh orang bawahannya. Baik kata pepatah "Bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat".

Berbekalkan peribadi yang mulia serta indah budi bicara dan bersikap mesra rakyat menyebabkan beliau menjadi tokoh sanjungan saya. Di dalam dunia kini, fizikal bukan lagi menjadi aspek utama dalam hidup malahan sikap yang menjadi perkara paling penting bagi memastikan kita dihormati oleh masyarakat lain. Walaupun kini beliau tidak lagi memegang jawatan sebagai perdana menteri ~~malahan~~ <sup>namun</sup> beliau masih dihormati dan disanjung oleh rakyat jelata yang rata-rata seang dengan sikap beliau. Hari ini, jika kita bersikap sombong terhadap orang lain, sudah tentu diri kita tidak akan dihormati. Sebagai seorang remaja yang bersekolah, sikap sombong haruslah di jauhi kerana kelak kita yang rugi. ~~Tidak~~ siapa yang ingin membantu kita apabila berada dalam kesusahan.

Selain itu, sewaktu beliau memegang jawatan sebagai perdana menteri Malaysia, banyak kejayaan yang telah beliau kecapai serta sumbangan terhadap negara. Antaranya ialah idea untuk mendirikan bangunan pencakar langit yang terletak di bandar metropolitan Kuala Lumpur telah



Memastikan diri kita sentiasa berada seiring dengan <sup>rakyat</sup> negara di negara moden. Pengetahuan tentang komputer juga penting bagi kita untuk memohon pekerjaan kelak kerana rata-rata syarikat di Malaysia menggunakan komputer. Jika tiada pengetahuan tentang komputer maka mundurlah kita serta peluang untuk kita mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi juga tertutup.

Kesimpulannya, segala kejayaan yang dikecapi oleh Tun Dr Mahathir bin Muhammad sememangnya menjadi inspirasi bagi diri kita semua demi mencapai kecemerlangan dari pelbagai bidang yang kita ceburi kelak kerana sebagai seorang remaja yang berwawasan, kita bakal menemani pemerintahan negara, menjadi tenaga yang akan memajukan negara <sup>serta</sup> ~~dan~~ menjaga kedaulatan negara daripada pelbagai ancaman anasir-anasir luar. Selain itu, kecemerlangan yang bakal kita kecapikan bukanlah untuk keseronokan orang lain malahan diri kita sendiri. Berbekalkan usaha yang gigih, tabah dalam segala cabaran dan dungan serta akhlak yang terpuji, segala kejayaan dapat dikecapi. Di samping itu, segala keputusan yang dibuat adalah mengikut keperluan serta dengan menggunakan akal fikiran, bukannya mengikut nafsu ibarat seloka,

Ikut rasa binasa,

Ikut hati mati,

Ikut nafsu lesu.

Bagi soalan 4 pula, calon yang matang memahami konsep keluarga bahagia dan masyarakat harmoni dengan tepat dan jelas. Keluarga didefinisikan sebagai satu unit kecil dalam institusi masyarakat yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak-anak. Bahagia pula bermaksud perasaan seronok, aman, damai dan saling menyayangi. Penjana bermaksud pemangkin, pendorong atau penggalak. Manakala masyarakat merupakan komuniti manusia yang hidup di sekeliling kita. Harmoni pula merujuk kepada keadaan aman dan tenteram. Secara tuntasnya, calon mentakrif tajuk ini sebagai keluarga yang damai dan saling menyayangi ahlinya dalam kalangan yang menjadi pemangkin untuk mewujudkan masyarakat yang hidup dalam rumpun bangsa yang aman dan tenteram. Calon juga dapat membandingkan bahawa sekiranya keluarga gagal membentuk kebahagiaan maka masyarakat tidak akan dapat lari daripada menerima tamparan negatifnya.

Calon juga berupaya menghasilkan karangan berformat syarahan dengan laras bahasa yang bersesuaian. Contohnya :

B4	Yang dihormati, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar, Puan Fauziah binti Hashim, para barisan hakim yang anif lagi bijaksana, guru-guru, seterusnya rakan pelajar sekalian. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Berdirinya saya di sini adalah untuk menyampaikan <del>sebuah</del> syarahan yang bertajuk 'Keluarga Bahagia Penjana Masyarakat Harmoni'.
	Hadirin Sekalian,
	Keluarga bahagia boleh didefinisikan sebagai + sekumpulan manusia yang mempunyai pertalian dan hidup bersama secara tenang, aman dan sentosa. Penjana pula adalah penyumbang kepada sesuatu aspek. Masyarakat harmoni bermaksud sekumpulan besar manusia yang tidak mengira kaum atau agama yang hidup secara aman. Keluarga bahagia merupakan tunjang kepada masyarakat harmoni. Di negara kita contohnya, masyarakat di <del>negara</del> kita hidup dalam keadaan harmoni walaupun negara kita dihuni oleh pelbagai kaum. Ini adalah kerana <del>keluarga</del> sumbangan daripada keluarga yang bahagia.

Keluarga yang bahagia bermula dengan ketua keluarga itu sendiri. Ibu bapalah yang memainkan peranan untuk membentuk sebuah keluarga yang bahagia seterusnya menjaga masyarakat harmoni. Ibu bapa hendaklah menjaga institusi kekeluargaan yang dibina supaya keluarga bahagia dapat dilahirkan. Ibu bapa perlulah sentiasa menunjukkan sikap yang baik di hadapan anak-anak. Contohnya, ibu bapa tidak seharusnya bergaduh di hadapan anak-anak. Ini dikhuatiri akan mengganggu emosi anak-anak. Anak-anak yang hidup dalam keadaan aman dan tenteram akan merasai kenikmatan hidup dalam masyarakat yang harmoni. Ini dibuktikan apabila mereka tidak akan melakukan perkara yang akan memecah-belahkan masyarakat.

Para hadir/sekalian.

Seperti kata pepatah 'nelentur buluh biarlah dari rebungnya', untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia, ibu bapa perlulah mendidik anak-anak sejak dari kecil. Anak-anak dibaratkan sebagai kain putih. Ibu bapalah yang patut mencorakannya. Jika baik dan sempurna didikan yang diberi maka baiklah akhlak mereka. Jika anak-anak dan ahli keluarga yang lain diberi didikan agama yang betul, sewajarnya mereka bersikap mulia. Mereka akan menghormati orang lain. Mereka juga akan membantu orang yang dalam kesusahan walaupun bukan dari bangsanya sendiri. Contohnya, jika keluarga kita tinggal bersebelahan dengan keluarga yang kurang berkemampuan, ahli keluarga kita pasti akan memberi sedikit bahagian masing-masing untuk disedekahkan kepada keluarga tersebut. Secara langsung, kita akan hidup dalam masyarakat yang harmoni.

Keluarga bahagia penjana masyarakat <sup>harmoni</sup> ~~format~~. Apabila sebuah keluarga bahagia terbentuk, keluarga tersebut pasti akan mengikut pelbagai program yang diadakan tidak kira di mana. Contohnya, ceramah-ceramah berunsur agama, kenduri/perkahwinan, hari keluarga, majlis sambutan kemerdekaan, dan sebagainya. Kerap kali ~~ma~~ keluarga seperti ini akan pergi bersama-sama dalam satu keluarga untuk memeriahkan majlis-majlis atau program-program tersebut. Di sini akan terjalin satu ikatan antara masyarakat di negara ini untuk mewujudkan masyarakat harmoni.

Hadirin/nadirat yang saya hormati,

Sesebuah keluarga bahagia pastilah tidak mudah dicemani dengan gejala-gejala yang negatif. Apabila sesebuah keluarga itu hidup dalam keadaan tenang dan tenteram, adalah lebih mudah untuk

ahli keluarga tersebut berinteraksi dengan masyarakat sekeliling.

Ini kerana mereka tidak perlu malu untuk berinteraksi kerana ahli keluarganya hidup dalam keadaan teratur dan pastilah tiada ahli keluarganya yang terlibat dengan gejala yang tidak sihat sehingga membabitkan pihak polis.

Dewasa ini, ~~banyak~~ pembangunan di negara kita bertambah pesat. Negara kita telah meredah ~~ed~~ era globalisasi dunia. Jadi, ~~ata~~ adakah sukar untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni? Kerajaan di negara kita telah memberi banyak kemudahan kepada penduduknya. Kemerdekaan yang kita telah capai selama empat puluh tujuh tahun ini haruslah dipelihara. Tidak lain dan tidak bukan faktor keluarga bahagialah yang akan menjana masyarakat harmoni seterusnya menjamin keamanan negara. Keluarga yang bahagia akan melahirkan individu yang mempunyai akhlak yang baik, berfikiran rasional dan berketrampilan. Individu-individu inilah yang akan menyumbang kepada masyarakat harmoni.

keluarga bahagia juga akan mewujudkan individu yang baik. Apabila semua individu di negara ini berkelakuan baik, tidak akan ada kes-kes kecurian, ragut, rogol dan sebagainya. Masyarakat di negara ini akan sentiasa hidup dalam keadaan harmoni. ~~Sebuah~~ keluarga yang bahagia juga akan menjadi contoh kepada keluarga lain untuk ~~menembentuknya~~.

Para hadirin sekalian,

Kerap kali kita dengar, tokoh-tokoh atau individu yang berjaya dengan cemerlang adalah berasal dari keluarga yang baik dan bahagia. Sebagai contoh, bekas perdana menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, beliau adalah seorang tokoh yang berjaya. Apabila dikaji, beliau ~~ada~~ berasal dari keluarga yang baik dan beliau mempunyai sebuah keluarga yang ~~bagia~~. Beliau telah ~~banyak~~ menyumbangkan idea-ideanya untuk mewujudkan negara yang maju seterusnya menjana masyarakat yang harmoni. Begitu juga dengan keluarga beliau sekarang. Oleh sebab itu, beliau berjaya melahirkan individu yang berbakat dan berketrampilan dari keluarga beliau. Contohnya, Datin Paduka Marina <sup>Mahathir,</sup> ~~Mohamad~~, yang ~~menit~~ beliau adalah ~~seorang~~ presiden kelab ~~anti~~ Aids Malaysia. Beliau mempunyai usaha untuk mewujudkan masyarakat harmoni di negara ini. Tidak dapat dinafikan lagi, keluarga bahagia ~~prajana~~ masyarakat harmoni.

Sebelum saya <sup>mengundur diri,</sup> ~~berundur~~ terimalah serangkap pantun dari saya,

Pergi bersiar bersama arjuna,

Bersiar-siar di waktu senja,

masyarakat harmoni pasti terjaya,

Andai ditunjangi keluarga bahagia.

Sekian, ~~terima kasih~~ wabillahitafik wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

B4

4

Bagi kumpulan lemah, kebanyakan calon tidak memahami maksud soalan dan gagal memberikan takrif yang tepat. Contohnya, calon yang menjawab Soalan 1 gagal menghuraikan peranan remaja sebagaimana yang dikehendaki, sebaliknya menceritakan aktiviti lasak remaja seperti lumba haram. Ada yang menyalahkan ibu bapa atas kegiatan haram yang mereka lakukan itu. Umumnya, calon tidak fokus akan kehendak soalan tetapi terus menumpukan kepada aktiviti hidup remaja itu sendiri.

Contohnya :

Selarasnya banyak remaja berkumpul untuk bertumba motor haram di mana-mana tempat kerana ini menyebabkan banyak kemalangan di Malaysia.

Setiap malam mereka bertumba motor haram untuk pertingkatkan ketahanan mereka. Bertumba satu pangs menjadi betera mereka selalu mengijak<sup>yang</sup> membawa motosikal pangs bertumba. Sampai pagi baru balik. Waktu siang, mereka membawa motor sendiri untuk mengubah suai untuk lujukan motor sendiri. Mereka bertumba motor haram selalu menjadi wang yang beribu-ribu, sebab itu mereka selalu mengubah suai motor mereka ada sikit kerana tidak ada yang mencuri ibu atau bapa pangs pun ada kerana tidak ada wang mengubah suai menjadi ~~perombak~~ perombak.

Remaja menjadi ini ibu atau bapa ada tanggungjawab mereka selalu belogin di luar tidak menjaga atau mengajuk anak mereka oleh itu menyebabkan anak tidak ada pendidikan. Ibu bapa selalu begaduh pun boleh menyebabkan ketahanan anak semakin besar, oleh itu anak mereka selalu belajar bertumba motor haram untuk mengijak ketahanan sendiri. Semua ini ialah tanggungjawab ibu bapa.

Sebuah masalah bertimpa motor haram kemalangan Malaysia menjadi semakin banyak. Kerajaan mesti ~~menyuar~~ menguatkuasa untuk menahan remaja bertimpa motor haram. Polis boleh selalu ~~menyuar~~ meronda di kawasan bertimpa motor haram untuk mengkurangkan kenakalan atau ~~menyuar~~ menangkap remaja yang memburu motosikal. Kerajaan boleh mengubah undang-undang untuk mengambil tindakan di atas remaja bertimpa motor haram.

Akhirnya saya harap ~~di~~ bapa selalu menjaga anak mereka jangan menyebabkan anak mereka menjadi jenguh atau kemalangan di bertimpa motor haram. Kerajaan juga selalu menjaga atau meronda kawasan yang bertimpa jangan memberi peluang remaja bertimpa motor haram lagi.

2

## ISI

Calon cemerlang dapat mempersembahkan isi yang mantap dan menarik. Isi-isi yang bernas itu dikembangkan dengan baik dan disertakan pula dengan contoh-contoh yang sesuai. Kebanyakan calon mengemukakan lebih daripada tiga isi.

Sebagai contoh, calon cemerlang dapat membuktikan bahawa tokoh yang dipilih benar-benar menjadi inspirasi dan sanjungan mereka. Kejayaan-kejayaan yang dilakarkan oleh tokoh dapat dinyatakan dengan jelas dan membawa kesan positif kepada calon, contohnya;

. Berat kesabaran dan kegigihan beliau, beliau telah berjaya menjadi pelajar contoh dalam faham akhir di Maktab Mahmud, Kedah. Selain itu, beliau telah dianugerahi sebagai pelajar terbaik dalam jurusan Usuluddin semasa di Universiti Al-Azhar, Mesir. Serba-sedikit kejayaan yang dikecapi oleh beliau telah mendorong saya untuk bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan hidup di dunia mahupun akhirat.

Selain kejayaan tokoh, calon juga menyatakan sikap positif atau peribadi tokoh yang menjadi inspirasi kepada mereka.

Contohnya :

Kejayaan beliau yang ditingi dengan sikap merendah diri dan agot/asal-usulnya telah menjadikan saya untuk setanding dengannya suatu hari nanti. Pesan beliau kepada para pejaranya "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung". Hal ini jais menunjukkan beliau menyuruh anak muridnya supaya tidak mudah lupa diri walaupun sudah berjaya mengejar impian masing-masing. Pesan beliau akan saya jadikan panduan hidup saya untuk mencapai kecemerlangan.

Bagi soalan 5 pula, calon cemerlang dapat mengemukakan cadangan jitu tentang usaha-usaha yang perlu dijalankan oleh pihak kerajaan, masyarakat, institusi pendidikan dan lain-lain untuk meletakkan golongan sasterawan pada tempat yang lebih tinggi. Calon mencadangkan agar sastera dimasyarakatkan dengan memberi pendedahan awal kepada murid ketika peringkat sekolah rendah lagi sebagai satu subjek yang diwajibkan. Anugerah tahunan yang lebih berprestij dan dihebahkan melalui media massa secara besar-besaran harus diadakan. Media massa juga perlu menerbitkan program realiti televisyen dalam bidang ini bagi menarik perhatian golongan remaja. Contohnya:

Terdapat berbagai-bagai usaha yang boleh dilakukan bagi memartabatkan golongan sasterawan atau bidang sastera di negara Malaysia. Salah satu daripadanya adalah dengan memupuk minat membaca karya-karya sasterawan negara di kalangan pelajar lebih-lebih lagi pelajar sekolah rendah. Mata pelajaran sastera juga perlu dipertingkatkan di sekolah-sekolah rendah agar timbul minat dalam bidang sastera seterusnya lebih mengenali tokoh-tokoh sasterawan negara.

Bagi calon-calon yang lemah pula, bukan sahaja telah gagal mengemukakan isi yang diharapkan malah isi tidak dikembangkan. Isi hanya disentuh sepintas lalu sahaja dan tidak dikuatkan dengan contoh yang bersesuaian. Isi-isi juga kurang mantap, tidak tepat dan kurang relevan.

Contohnya:

Masyarakat Malaysia masih kurang memberikan pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera berbanding dengan masyarakat negara maju.

Masyarakat Malaysia masih kurang memberikan pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera kerana ~~kerajaan~~ kerajaan negara kita tidak banyak wang belanja cipta bakul.

Negara kita sekarang bukan maju sangat. Negara kita ada banyak orang yang pandai dan baik tetapi ada yang tidak wang belanja. Kerajaan kita mesti boleh membenarkan orang yang miskin pinjam wang dengan kerajaan baru ada peluang berbisnes.

Negara kita boleh berdagang dengan masyarakat negara maju, baru kita boleh ikut. Masyarakat Malaysia kurang memberikan pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera ada banyak sebab. Mungkin ada orang yang tidak suka dan lain-lain.

Masyarakat Malaysia juga boleh membina sebuah teknik sekolah hanya dari bidang sastera sahaja. Kalau macam ini boleh menaikkan ~~ke~~ berbanding dengan masyarakat negara yang maju.

Negara kita yang ingat bidang sastera tidak ~~penting~~ penting, kita mesti buangkan fikiran yang tidak betul, bidang sastera juga boleh membantu negara. Masyarakat Malaysia mesti memberi banyak pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera.

## BAHASA

Dari sudut bahasa pula, calon yang cemerlang menguasai kemahiran berbahasa dengan baik sekali, lancar, gramatis dan menggunakan diksi yang sesuai mengikut laras karangan yang dipilih. Kosa katanya luas dan tepat penggunaannya dan terdapat keragaman dalam struktur ayat. Meskipun terdapat kesalahan tatabahasa tetapi masih ringan dan tidak mencacatkan pengolahan. Organisasi karangan kemas dan disusun dalam perenggan yang teratur urutannya.

Contoh bagi soalan 3:

Persaingan ~~ini~~ yang dipaksakan ialah persaingan kuasa-kuasa besar dan pemimpin dunia untuk menguasai dunia. Tempang ini turut dirasai dalam sektor-sektor yang menyedraikan peluang pekerjaan. Semakin hari, semakin ramai lulusan universiti tempatan yang terpaksa menganggur kerana tuntutan pekerjaan yang memerlukan tahap kelulusan yang lebih tinggi. Paling menyedihkan, seorang mahasiswa lulusan ijazah dalam bidang kejuruteraan kimia contohnya, terpaksa berpanas dan ke sana ke mari untuk memohon pekerjaan di syarikat-syarikat swasta yang belum pasti menyajikan peluang pekerjaan yang benar-benar berprestij.

Contoh bagi soalan 1:

Contoh bagi soalan 1: Pendidikan boleh diuraikan kepada lima aspek yang utama iaitu, pendidikan intelektual, pendidikan rohani, pendidikan jasmani, pendidikan moral dan pendidikan sosial. Pendidikan intelektual adalah pendidikan secara formal yang diperolehi daripada sekolah-sekolah atau pusat pengajian tinggi. Seperti yang kita ketahui, negara kita sememangnya telah mewajibkan ibu bapa memberikan pendidikan intelektual kepada anak-anak. Sekiranya ibu bapa tidak memberikan pendidikan intelektual kepada anak-anak, mereka boleh dipenjarakan. Hal ini kerana, pendidikan secara formal ini dapat melahirkan ~~anak~~ insan-insan yang <sup>demi merealisasikan</sup> berwawasan sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan individu

Contoh-contoh lain:

Saya akan mengejar impian ini sehingga menjadi realiti agar saya dapat menaburkan khidmat kepada masyarakat tanah air yang tercinta ini seperti yang telah dilakukan oleh tokoh yang saya sanjung ini.

Negara kini berhadapan dengan kemajuan dalam mengejar impian materialistik sehingga sanggup mengorbankan nilai-nilai kemasyarakatan. kebanyakan remaja terjebak kekancah dufana yang dibawa oleh kemajuan negara. keluarga yang bahagia dapat membawa suatu pembaharuan dalam usaha melahirkan masyarakat harmoni disamping mengawal etika diri masing-masing. Sebagai

Jelaslah, sembilan cabaran yang digariskan dalam Wawasan 2020 itu mencerminkan hasrat rakyat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang menitikberatkan nilai budi dan budaya penyayang selaras dengan ketinggian tamadun timur.

Kebanyakan calon lemah, penguasaan bahasanya tidak memuaskan dan tidak lancar malah kadangkala amat lemah, sehingga sukar mengesan isi yang hendak disampaikan. Tatabahasa yang digunakan bercempera dan ayat pula tidak gramatis. Kesalahan dominan yang jelas kelihatan ialah pembinaan ayat yang sering mengabaikan predikat sehingga menjadi ayat tergantung. Calon melakukan kesalahan ejaan dan kebanyakan perkataan dieja mengikut sebutannya. Hal ini juga menunjukkan aspek pengimbuhan tidak diambil peduli. Terdapat juga banyak ayat yang dibina sehingga tidak dapat difahami langsung tergantung.

Contohnya:

Ibu bapa mengeluarkan masa lapang untuk bermain, berbual-bual dan mengajar anak-anak dengan kasih sayang dan tanggungjawab ibu bapa. Anak-anak yang mendapat kasih sayang daripada ibu bapa, mereka adalah keluarga Bahagia. Masyarakat Harmoni. Dan anak-anak yang tidak dapat kasih sayang daripada ibu bapa, mereka ~~maka~~ mungkin adalah keluarga tidak bahagia. Masyarakat tidak harmoni.

Malah, berbanding dengan masyarakat negara maju yang masih memberikan pengiktirafan ~~keg~~ kepada golongan yang tersebut. Ini menyebabkan masyarakat negara itu telah tahu kepentingan mengiktirafkan Sasterawan yang terlibat dalam bidang sastera. Mereka memberika dorongan kepada karga <sup>yang ditulis</sup> dan golongan bidang sastera untuk meningkatkan mutu ~~kesesua~~ kesusa~~st~~eraan melayu atau yang lain-lain. #

kita ~~mestilah~~ mengikut usaha-usaha yang melakukan untuk memartabatkan golongan ini masyarakat Malaysia ~~mesti~~ mestilah memberikan pengiktirafan kepada golongan yang terlibat dalam bidang sastera berbanding dengan masyarakat Negara maju dan bidang sastera pun meningkatkan kualitinya.

remaja sekarang diberi motivasi tertentu. Usia mereka adalah yang senang makan menyakit <sup>Selesma</sup> ~~na~~ ~~sekar~~ <sup>Selesma</sup> . Usia mereka seperti semut. Mereka melakukan apa-apa saja untuk keseronokkan. Sebab itu peranan saya mencapai hasrat. Pihak kerajaan menyediakan pelbagai motivasi, rermah kepada mereka. motivasi itu lebih berguna kepada remaja. remaja ~~ini~~ <sup>ini</sup> menggunakan cara ini ~~ini~~ <sup>ini</sup> kita boleh melahirkan remaja yang bersopan santun. Pihak sekolahpun menerangkan pada mereka. sejak mudi masuk sekolah ~~mana~~ <sup>mana</sup> menepah. boleh menjadi remaja yang bertualiti. kita mesti talang menolong worgo orang tua. kami adalah org eset penting. kalau kita buat sekarang generasi muda sekarang mengikut kami. kami adalah juri yang petunjuk jalan yg baik generasi akan datang pun ikut kita. mendorong kepada mereka. mula-mula kita memberikan tumpuan ~~ya~~ yang sepenuhnya dalam mela pelajaran. Didikan awal itu menjadi kita sebagai seorang berguna kepada negara. negara akan menghormati golongan remaja. tak ~~seperti~~ <sup>Remaja</sup> tak seperti golongan lepak, banggu pelajar lain.

#### PENGOLAHAN:

Calon yang cemerlang, mampu mengolah karangan mereka dengan menarik dan berkesan kerana calon menguasai isi dan berupaya menggunakan bahasa yang lancar. Pemerenggan sesuai kerana setiap isi dihurai dalam perenggan yang berlainan.

Pengolahan karangan calon lemah kebanyakannya kurang menarik dan kurang berkesan akibat kelemahan penguasaan bahasa dan kekurangan isi. Pemerenggan juga kurang sesuai. Contohnya karangan ditulis hanya satu perenggan sahaja. Banyak juga karangan yang tidak mematuhi had minimum bilangan perkataan (kurang daripada 350 patah perkataan). Calon juga tidak membuat kesimpulan atau merumus keseluruhan karangan pada perenggan penutup. Calon juga gagal menguasai karangan berformat rencana menyebabkan kehilangan markah akibat kesalahan format atau tidak berformat.

Contoh karangan tiada perenggan :

Golongan remaja merupakan aset penting kepada negara zaman  
sekarang ~~jadi~~ ialah berlumba haram motosikal ramai remaja  
berlumba ~~ada~~ terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti ~~mereka~~  
terlewat berlumba kerana berseronok diri sendiri tetapi tidak  
tahu kebaikan yang itu berlumba dan mendapat keberanian  
menyokong ~~kepada~~ daripada kawan-kawan yang akan  
keluar di malam pergi keparkir di tempat bergabung remaja-remaja  
kerana remaja dapat berlumba wang, hadiah, ~~kehabib~~ dan mendapat  
perumpuan, dapat motor siapa kalah ~~bakar~~ motor yang  
kalah begini ~~ker~~ persorokan remaja sekarang mereka tidak  
keperluan diri sendiri di menyokong kawan dan keberanian  
dapat wang untuk baiki motosikal tetapi zaman depan  
remaja tidak terjadi begini, zaman sekarang tidak haram  
nyawa di fikiran rendah tetapi tidak terjadi kepada  
zaman depan mesti menbidikan tenaga yang akan memajukan  
negara dan menjaga kestabilan negara daripada pelbagai  
macam remaja golongan sekarang pun perlukan merupakan  
aset ~~kepentingan~~ kepada negara pada masa hadapan.  
kemajuan negara kita nak tinggi daripada di luar negara  
undang-undang negara mengikut peraturan tidak melanggar  
kebaikan negara kita dan kebaikan diri sendiri  
budaya memastikan keperluan pasti mendapat semua

ancaman, bandar-bandar yang tertinggi daripada di luar negara memaju di daripada lain, lain kepada luar negara kebajikan diri ialah tidak mahu berlumba laram motor, Berhiap rokok dan dadah pelbagai racun yang tidak kebajikan badan: manusia mahu hidupkan kalau menhiapkan di tempat alam sekitar kebajikan daripada orang lain kerana asap tidak baik asap orang yang tidak merokok remaja zaman sekarang berarak luar kawasan rumah banyak budak sebab merokok di dalam tandas berbung rokok di dalam tandas bagai air masuk tandas sefasan susah ketahanan rokok baru kebajikan negara ini dan minuman keras memandu tarikan mabuh melongor tetapi bahaya kepada membawa kenderaan lain kan bahaya kalau bagi remaja sekarang macam mana joga kemajuan negara kita tentu susah keperluan untuk undang yang keras untuk remaja zaman hadapan kerana baru golongan remaja merupakan aset penting kepada negara pada masa hadapan mereka bakal menerajui. Pemerintahan negara menjadi teraga yang akan memajukan negara dan menjaga kebajikan negara daripada pelbagai ancaman sebagai remaja yang berwawasan yang bincangan peranan anda untuk mencapai ketiga harapan tersebut di atas yang terjadi kerana memaju negara kita boleh negara yang sebagai yakin.

(359 petak)

(322 pp)

Kingun pulih.

Contoh karangan pendek :

### Bagian B.

Displin agar penting ~~sebab~~ untuk semua orang.  
Di Masyarakat kami terdapat banyak orang semestinya di sekolah tidak ikut peraturan atau disiplin rambut yang panjang, kuku yang panjang, pakaian yang menjolok mata dan ditepi-tepi jalan keluar dan bet lepak di tepi jalan

Dan banyak orang yang minum-minuman keras tidur ditepi-tepi jalan. di banyak sekolah guru-guru anda tidak disiplin ikut disiplin. Peraturan agar penting di sekolah atau di masyarakat kalau menunggang motosikal mesti memakai helmet. di dalam kereta mesti memakai tali pinggang.

Di tepi jalan raya ~~ikut~~ ikut lampu isyarat dan di sekolah pun mesti mengikut peraturan sekolah dan tidak boleh memakai rantai, cincin, dan tidak boleh memakai handphone. tidak ~~men~~ menunggang kalau tidak tiada lesen

- Isi - Lemah.
- Teks - Lemah.

(98 pp)

- Kaya puitik.

(4) Tajuk: keluarga Bahagia Masyarakat Harmoni

~~Berita~~ Apakah perempuan keluarga Bahagia  
 Masyarakat Harmoni. Cantik <sup>tidak</sup> perempuan rumah.  
 kepada Perolong No baik tidak manakuh. lapar.  
 keluarga. No muzik perempuan gila tiga lapar.  
 kereta sepuluh, Mati <sup>perempuan</sup> kereta api rumah.  
 tidak besar <sup>tidak</sup> dua Puluh <sup>tidak</sup> pisah.

~~Bahamakah~~ keluarga Bahagia Masyarakat  
 baik friend minum.

Pergi tidak Didso muzik lelaki.  
 api besar keluarga. lapar puluh. lapar.

- kaga pndele  
 - Belusa - lenah

#### SARANAN KEPADA CALON

1. Calon disarankan perlu banyak membaca bahan-bahan ilmiah seperti majalah, akhbar, jurnal dan sebagainya untuk menambahkan pengetahuan dan membuat rujukan agar idea dapat dihuraikan dengan lebih matang.
2. Calon boleh menambahkan kosa kata dan menggunakannya dengan betul jika rajin merujuk Kamus Dewan dan buku Tata bahasa Dewan.
3. Calon juga perlu banyak membuat latihan menulis esei tentang pelbagai isu, supaya idea yang ingin dikemukakan dapat dihurai dengan baik dengan menggunakan ayat yang gramatis.
4. Calon hendaklah peka terhadap isu – isu semasa supaya setiap fakta yang disampaikan adalah tepat dan bukan hanya agakan sahaja. Membaca majalah ilmiah, akhbar harian dan mingguan serta menonton pelbagai perbincangan ilmiah melalui media elektronik membolehkan calon melahirkan idea – idea yang bernas dan matang serta menyakinkan.
5. Calon digalakkan menulis pendapat tokoh-tokoh ilmuwan, negarawan atau membuat analogi bagi memantapkan isi yang hendak disampaikan.

6. Perbanyakkan membuat latihan tatabahasa, seperti pembinaan ayat, penggunaan imbuhan, penggunaan tatabahasa, aplikasi pembentukan perkataan daripada kata dasar kepada kata terbitan dan sebaliknya.
7. Elakkan menggunakan perkataan atau istilah yang 'bombastik' yang jarang-jarang digunakan.
8. Pastikan peruntukan masa yang wajar untuk menyemak karangan semula dan pastikan semua kertas jawapan disusun dan diikat mengikut urutannya untuk mengelakkan agar tiada helaian yang tercicir atau tersalah susun.
9. Murid perlu memahami dengan jelas kehendak soalan sebelum menjawab.
10. Tulisan calon hendaklah terang dan jelas supaya mudah dibaca oleh pemeriksa
11. Karangan bahagian B perlu ditulis melebihi 350 perkataan untuk mengelakkan pengurangan markah.
12. Calon hendaklah menulis karangan bahagian B dahulu untuk mengelakkan masalah masa yang tidak mencukupi untuk menjawab soalan-soalan berikutnya.
13. Murid perlu menguasai format karangan untuk mengelakkan pemotongan markah format.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru perlu meningkatkan kemahiran tatabahasa supaya P & P lebih berkesan
2. Guru juga perlu sentiasa mengadakan perbincangan profesionalisme dengan guru-guru lain untuk menambahkan pengetahuan tentang pelbagai disiplin ilmu kerana 'Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum.'
3. Kursus peningkatan profesionalisme perlu sentiasa diadakan pada peringkat dalaman untuk memantapkan pengetahuan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan guru.
4. Guru perlu membaca pelbagai bahan untuk mengemaskinikan pengetahuan, fakta dan maklumat yang sesuai dengan perkembangan semasa. Bahan pengajaran dan pembelajaran mesti dipelbagaikan supaya tidak menghilangkan minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
5. Murid mesti dilatih mengarang pelbagai bentuk karangan berformat dan tidak berformat. Guru perlu mengenali potensi setiap murid supaya murid dapat dibimbing berdasarkan potensi mereka. Latihan karangan mesti diberikan secukupnya dan perlu dirancang secara sistematik supaya murid dapat menguasai teknik penulisan dengan betul. Oleh sebab itu, wajar bagi guru yang mengajar Bahasa Melayu tingkatan empat diberi peluang mengajar murid yang sama ketika murid tersebut berada di tingkatan lima.
6. Guru mesti mahir dalam aspek kebahasaan dan menguasai skema pemarkahan yang mencukupi aspek takrif, isi, bahasa, dan pengolahan supaya pengajaran guru lebih berfokus.
7. Setiap latihan murid mesti disemak dengan teliti dan sistematik. Murid dimestikan membuat pembetulan agar dapat menyedari kesilapan disamping dapat meminimumkan kesalahan.